

1135MST 15 11 84

PERTABALAN - MAHATHIR 1984
KUALA LUMPUR, 15 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MDHAMAD MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN MELAFAZKAN IKRAR TAAT SETIA BAGI PIHAK RAKYAT MALAYSIA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG SEMPENA PERTABALAN SERIPADUKA HARI INI.

+ PATIK BAGI PIHAK AHLI-AHLI JEMAAH MENTERI, PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN SELURUHRAKYAT MALAYSIA DARI SEGENAP LAPISAN DAN KETURUNAN KAUM, DENGAN PERASAAN RIANG GEMBIRA DAN DARIHATI YANG JUJUR, MENGANGKAT SEMBAHTAKZIM SERTAMERAFAK UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU, KERANA TELAH DIPILIH DAN DILANTIK SEBAGAI RAJA MEMERINTAH BAGI SELURUH NEGARA MALAYSIA DAN SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG YANG KELAPAN.+

+ MENGAMBIL SEMPENA HARI YANG BERSEJARAH DAN SAAT YANG MULIA INI, PATIK BAGI PIHAK AHLI-AHLI JEMAAH MENTERI, PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN SEKELIAN RAKYAT, MERAFAKKAN SEMBAH IKRAR TAAT SETIA KE BAWAH DULI SERI PADUKA TUANKU, + KATA PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA SEMPENA ISTIADAT PERTABALAN DI ISTANA NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SULTANAH ZANARIAH DI ATAS PERLANTIKAN SERIPADUKA MENJADI RAJA PERMAISURI AGONG.

UCAPAN PERDANA MENTERI MENCAKUPI KEADAAN KESELAMATAN DAN EKONOMI NEGARA SERTA HUEUNGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA ASEAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEADAAN KESELAMATAN NEGARA ADALAH TERKAWAL DAN BELIAU BERDOA SEMOGA NEGARA AKAN TERUS TENTERAM.

+ WALAUPUN BEGITU, KERAJAAN SENTIASA BERWASPADA TERHADAP ANASIR-ANASIR YANG INGIN MEMECAH-BELAHKAN RAKYAT.+

KATANYA, KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MENANAM NILAI-NILAI POSITIF DI KALANGAN RAKYAT BAGI MENEMPAS SEBUAH NEGARA YANG MAKMUR DAN PROGRESIF DENGAN HARAPAN WUJUD SIFAT-SIFAT CEKAL, BERDISIPLIN DAN TEKUN BERUSAHA BUKAN SAHAJA BAGI MUNAFAAT DAN KEBAJIKAN DIRI Masing-masing TETAPI JUGA BAGI KESEJAHTERAAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUCA MEMBERITAHUBAHAWA KADAR KEMAJUAN NEGARA DIJANGKA MENINGKAT SEMULA PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG BERIKUTAN KEJAYAAN NEGARA MENGATASI KESAN BURUK AKIBAT DARIPADA KESELAMATAN EKONOMI DUNIA.

DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA PULA, NEGARA AKAN TERUS MEMAINKAN PERANAN YANG AKTIF DALAM RANGKA KERJASAMA NEGARA-NEGARA ASEAN.--

f ADALAH DIHARAPKAN KERJASAMA SERANTAU INI AKAN MENJAMIN KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA KITA DAN JIRAN-JIRAN PI KAWASAN ASIA TENGGARA, + TAMBAH PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MEMPERGIATKAN USAHA BEKERJASAMA DAN MEMBERI BANTUAN TEKNIKAL KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN. -- BERNAMA.

1135MST 15 11 84

5731